

MODUL PEMBANGUNAN KOMUNITI: KEIBUBAAPAN



SEKSYEN KAUNSELING DAN KEBAJIKAN PELAJAR, UPMKB

Diterbitkan 2023

Seksyen Kaunseling dan Kebajikan Pelajar,
Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu Sarawak (UPMKB)
086-855657
kaunselor.btu@upm.edu.my

Perpustakaan Negara Malaysia

Cataloguing-in-Publication-Data

MODUL PEMBANGUNAN KOMUNITI: KEIBUBAPAAN/ HAIRUNISAH ABDUL
RAHMAN/ MUHAMMAD ABDUL RAHIM HABIB/ CHAN SIAW LENG/ KARMILAH
ABDULLAH/ JOYCE MORRIS KAPONG, 2023

Mode of access : Internet

E ISBN 978-629-98110-3-9

MODUL PEMBANGUNAN KOMUNITI: KEIBUBAPAAN

HAK CIPTA TERPELIHARA

Hak cipta Seksyen Kaunseling dan Kebajikan Pelajar, UPMKB Keluaran Pertama 2023. Hak cipta terpelihara. Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanik, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa izin Pengarah Kampus, Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu Sarawak terlebih dahulu. Penulis juga tidak menjamin apa yang terkandung adalah sesuai untuk pembaca namun semua isi kandungan adalah melalui pengalaman serta kepakaran penulis sendiri.

Diterbitkan 2023

Seksyen Kaunseling dan Kebajikan Pelajar,
Bahagian Hal Ehwal Pelajar,
Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu Sarawak,
Jalan Nyabau, 97008 Bintulu,
Sarawak
086-855657

kaunselor.btu@upm.edu.my



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Perpustakaan Negara Malaysia

Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati
dari Perpustakaan Negara Malaysia

eISBN 978-629-98110-3-9

MODUL

PENASIHAT

Prof. Dr. Loh Teck Chwen

Pengarah Pusat Transformasi Komuniti Universiti (UCTC), UPM

Prof. Dr. Shahrul Razid Sarbini

Pengarah Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu Sarawak (UPMKB)

Prof. Madya Dr. Khairulmazmi Ahmad

Timbalan Pengarah (Bahagian Pengembangan Pertanian), UCTC, UPM

PENYELARAS PROGRAM

Puan Joyce Morris Kapong

- UPMKB

Puan Mahani Amat@Halimi

- UCTC, UPM

Encik Khairul Azmi Za'ba

- UCTC, UPM

Encik Mohamad Syukri Bin Mohamad Adnan (Timb.)

- UPMKB

Puan Siti Rajanah binti Abdul Aziz (Timb.)

- UPMKB

JAWATANKUASA PROJEK PERKEMBANGAN KANAK-KANAK

Dr. Chan Siaw Leng (Ketua Projek)

Dr. Karmilah Binti Abdullah

Puan Hairunisah Binti Abdul Rahman

Encik Muhammad Abdul Rahim Bin Habib

Puan Joyce Morris Kapong

PANEL PENULIS

Puan Hairunisah Binti Abdul Rahman

Encik Muhammad Abdul Rahim Bin Habib

Dr. Chan Siaw Leng

Dr. Karmilah Binti Abdullah

Puan Joyce Morris Kapong

BERKENALAN DENGAN PANEL PENULIS



HAIRUNISAH BINTI ABDUL RAHMAN (K.B.; P.A.)

Pegawai Psikologi Kanan, Bahagian Hal Ehwal Pelajar, UPMKB



MUHAMMAD ABDUL RAHIM BIN HABIB (K.B.; P.A.)

Pegawai Psikologi Kanan, Bahagian Hal Ehwal Pelajar, UPMKB



CHAN SIAW LENG (K.B.; P.A.)

Pensyarah Kanan, Jabatan Sains Sosial Dan Pengurusan, UPMKB



KARMILAH BINTI ABDULLAH

Pensyarah Kanan, Jabatan Sains Sosial Dan Pengurusan, UPMKB



JOYCE MORRIS KAPONG

Guru Bahasa, Jabatan Sains Sosial Dan Pengurusan, UPMKB

KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN	MUKA SURAT
SIPNOSIS MODUL	7
OBJEKTIF MODUL	8
FOKUS MODUL	8
BENTUK PROGRAM	9
METODOLOGI	9
GARIS PANDUAN	10
SESI 1 : TAKLIMAT PROGRAM	11
▪ <i>Aktiviti 1: Pengenalan Program secara Keseluruhan</i> ▪ <i>Aktiviti 2: Pengenalan Modul Perkembangan Kanak-Kanak</i> ▪ <i>Aktiviti 3: Penerangan Jadual dan Latihan/Aktiviti Modul</i> ▪ <i>Aktiviti 4: Sesi Perkenalan Barisan Fasilitator</i> ▪ <i>Aktiviti 5: Pra-penilaian</i>	
SESI 2 : PENGURUSAN STRES KELUARGA	15
▪ <i>Aktiviti 1: Salam Pengenalan</i> ▪ <i>Aktiviti 2: Graf Kehidupan</i> ▪ <i>Aktiviti 3: Jom Kenali Stres!</i> ▪ <i>Aktiviti 4: Jom Ketawa!</i>	
SESI 3 : KEIBUBAPAAAN	20
▪ <i>Aktiviti 1: Energizer</i> ▪ <i>Aktiviti 2: Gaya Aku</i> ▪ <i>Aktiviti 3: My Family Mug</i>	
SESI 4 : KENALI SIFAT ANAK	24
▪ <i>Aktiviti 1: Energizer</i> ▪ <i>Aktiviti 2: Bahasa Cinta Anak</i> ▪ <i>Aktiviti 3: Bingkai Kasih Keluarga</i>	

SESI 5 : PENUTUPAN ▪ <i>Aktiviti 1: Hala Tuju Keluarga</i> ▪ <i>Aktiviti 2: I Love My Family!</i> ▪ <i>Aktiviti 3: Penutupan Program dan Rumusan Modul</i> ▪ <i>Aktiviti 4: Pasca-Penilaian</i>	28
LAMPIRAN	32
RUJUKAN	46

SIPNOSIS MODUL

Ibu bapa merupakan insan yang terpenting dalam proses pembentukan personaliti anak-anak. Kejayaan ibu bapa dalam membesarkan anak-anak bukan hanya dilihat daripada aspek kejayaan akademik atau menyediakan keperluan material semata-mata kepada anak-anak. Peranan keibubapaan juga sangat meluas dalam pembentukan jati diri anak-anak. Hal ini termasuklah membina personaliti, kebijaksanaan menguruskan emosi, meningkatkan daya tahan diri (resilien) anak-anak serta menentukan hala tuju masa depan keluarga.

Bagi mencapai tujuan ini, ibu bapa terlebih dahulu perlu bijak menguruskan emosi masing-masing agar tidak menjejaskan peranan keibubapaan dalam membesarkan anak-anak. Mengikut kajian Repetti & Wood (1997), ibu yang stres kurang bercakap dan kurang menunjukkan kasih sayang terhadap anak. Keadaan ini secara tidak langsung akan mengakibatkan emosi anak akan turut terluka. Oleh itu, ibu bapa harus peka dan tidak sambil lewa dalam mendidik dan membesarkan anak-anak agar kesejahteraan emosi dan mental keluarga berada pada tahap yang baik.

Selain itu, ilmu keibubapaan juga amat penting untuk difahami oleh golongan ibu bapa bagi memastikan cara didikan bersesuaian dengan era pada masa kini. Sehubungan itu, Modul Keibubapaan ini merupakan satu garis panduan yang boleh digunakan oleh fasilitator yang akan mengendalikan sesi bimbingan bersama ibu bapa. Ujian keberkesanan pelaksanaan telah dibuat terhadap peserta yang terlibat.

OBJEKTIF MODUL

1. Untuk memastikan ibu bapa memahami kaedah menguruskan stres dengan berkesan.
2. Untuk meningkatkan pengetahuan tentang ilmu keibubapaan dalam proses membesarkan anak-anak.
3. Untuk meningkatkan kesejahteraan psikologikal dalam keluarga.
4. Untuk memastikan ibu bapa dapat mengekspresikan perasaan dan pengalaman melalui aktiviti yang dijalankan.

FOKUS MODUL

Modul ini memfokuskan kepada golongan ibu bapa yang memiliki anak remaja dan kanak-kanak.

- Anak remaja (13 - 18 tahun)
- Kanak-kanak (3 - 12 tahun)

BENTUK PROGRAM



FASA PERTAMA

PSIKOPENDIDIKAN

T1: Perkembangan Psikologi Kanak- Kanak (Fizikal, Kognitif, Bahasa, Sosioemosi)

T2: Keibubapaan - Pengurusan Stres dalam Keluarga (Definisi, Punca, Teknik Menguruskan Stres dengan Berkesan)



FASA KEDUA

INTERVENSI

T1: Perkembangan Psikologi Kanak- Kanak (Fizikal, Kognitif, Bahasa, Sosioemosi)

T2: Keibubapaan - Ilmu Keibubapaan (Gaya Keibubapaan, *Art Therapy*)



FASA KETIGA

PENGUKUHAN

T1: Perkembangan Psikologi Kanak- Kanak (Fizikal, Kognitif, Bahasa, Sosioemosi)

T2: Keibubapaan - Ilmu Keibubapaan (Bahasa Cinta Anak, *Art Therapy*)

METODOLOGI PROGRAM

- Perbincangan
- Aktiviti dalam Kumpulan
- Kajian Kes (*Case Study*)
- Main Peranan (*Role Play*)
- Pusingan (*Rounds*)
- Refleksi

GARIS PANDUAN

Fasilitator:

1. Fasilitator hendaklah bersedia dari segi fizikal, mental dan emosi sebelum setiap sesi Latihan Dalam Kumpulan (LDK) dijalankan.
2. Fasilitator bertanggungjawab menyediakan semua bahan yang diperlukan sebelum setiap sesi.
3. Persekitaran yang kondusif untuk interaksi dengan ruang yang mencukupi untuk menempatkan semua peserta perlu disediakan oleh fasilitator untuk penglibatan maksimum peserta.
4. 'Persetujuan termaklum' mesti diperoleh daripada peserta sebelum aktiviti dimulakan.
5. Semasa sesi, fasilitator diwajibkan untuk memperkenalkan dan menekankan aspek kerahsiaan dan keperluan bagi setiap peserta untuk melaksanakan garis panduan peserta.
6. Fasilitator perlu memastikan setiap peserta terlibat dalam setiap sesi.
7. Fasilitator perlu memastikan tiada halangan bahasa dalam kalangan peserta untuk komunikasi yang berkesan.

Peserta:

1. Setiap peserta perlu mengikut bimbingan fasilitator sepanjang sesi.
2. Setiap peserta hendaklah mematuhi etika kerahsiaan setiap sesi.
3. Setiap peserta mempunyai kebebasan untuk menarik diri daripada sesi yang sedang berjalan sekiranya kurang sihat.
4. Peserta mesti sedar tentang sikap sendiri, menunjukkan rasa hormat dan menyokong antara satu sama lain sepanjang sesi.
5. Percubaan untuk menguasai kumpulan atau mengusik peserta lain adalah tidak dibenarkan semasa sesi.
6. Setiap peserta harus bersedia untuk perubahan tingkah laku.

SESI 1: TAKLIMAT PROGRAM

Objektif Unit:

1. Untuk memperkenalkan program pembangunan komuniti, khususnya projek perkembangan kanak-kanak – Modul Keibubapaan.
2. Untuk membina perhubungan di antara fasilitator dan peserta.
3. Untuk memastikan peserta dapat berkongsi tentang dirinya dengan lebih yakin.
4. Untuk mewujudkan jalinan mesra di antara fasilitator dan peserta dari awal program sehinggalah ke penghujung program.

Kandungan Unit:

Unit ini merangkumi aktiviti-aktiviti seperti berikut:

- Aktiviti 1: Pengenalan Program secara Keseluruhan
- Aktiviti 2: Pengenalan Modul Keibubapaan
- Aktiviti 3: Penerangan Jadual dan Latihan/Aktiviti Modul
- Aktiviti 4: Sesi Perkenalan Barisan Fasilitator
- Aktiviti 5: Pra-penilaian

Tempoh masa: 60 minit

Bilangan peserta: 30 – 40 peserta

LDK:

Aktiviti 1: Pengenalan Program secara Keseluruhan	Bahan-bahan Aktiviti/Pembelajaran: • Sistem siaranaya • Projektor slaid • Papan putih interaktif • Slaid persembahan Prosedur: 1. Memperkenalkan Program Pembangunan Komuniti secara menyeluruh. 2. Memperkenalkan Projek Perkembangan Kanak-Kanak (Modul Keibubapaan). 3. Memperkenalkan ahli-ahli projek dan fasilitator.
Aktiviti 2: Pengenalan Modul Perkembangan Kanak-Kanak (Modul Keibubapaan)	Bahan-bahan Aktiviti/Pembelajaran: • Sistem siaranaya • Projektor slaid • Papan putih interaktif • Slaid persembahan Prosedur: 1. Fasilitator memperkenalkan Modul Pembangunan Komuniti - Modul Keibubapaan. 2. Menerangkan kepentingan ilmu keibubapaan dalam membesarkan anak-anak. 3. Menjelaskan pelaksanaan modul mengikut fasa (psikopendidikan, intervensi dan pengukuhan).

	4. Melaksanakan pemindahan ilmu kepada wakil komuniti untuk menjadi rujukan bersama.
Aktiviti 3: Penerangan Jadual dan Latihan/Aktiviti	Modul Bahan-bahan Aktiviti/Pembelajaran: • Sistem siaranaya • Projektor slaid • Papan putih interaktif • Slaid persembahan Prosedur: 1. Menerangkan jadual dan carta batuan setiap fasa. 2. Menjelaskan aktiviti-aktiviti dalam modul.
Aktiviti 4: Sesi Perkenalan Barisan Fasilitator	Bahan-bahan Aktiviti/Pembelajaran: • Sistem siaranaya Prosedur: 1. Fasilitator memperkenalkan diri secara penggiliran. 2. Pembahagian fasilitator dan peserta ke dalam kelompok mengikut kumpulan umur peserta.
Aktiviti 5: Pra-penilaian	Bahan-bahan Aktiviti/Pembelajaran: • Borang penilaian • Pen • Fail Prosedur:

	1. Fasilitator menerangkan kaedah mengisi borang pra-penilaian. 2. Fasilitator meminta peserta mengisi borang pra-penilaian dengan bantuan pembantu fasilitator.
Refleksi	Fasilitator dan wakil komuniti berkongsi apa yang telah mereka pelajari sepanjang sesi.
Jangkaan Hasil	Komuniti dapat memahami objektif program pembangunan komuniti, khususnya projek perkembangan kanak-kanak – Modul Keibubapaan. Komuniti dapat menerangkan kepentingan ilmu keibubapaan dalam membesarkan anak-anak.

SESI 2: PENGURUSAN STRES KELUARGA

Objektif Unit:

1. Untuk memastikan ibu bapa dapat menguruskan stres dengan berkesan dalam keluarga.
2. Untuk meningkatkan pengetahuan tentang ilmu keibubapaan dalam proses membesarkan anak-anak.
3. Untuk meningkatkan perkembangan psikologi dalam diri anak-anak.

Teori:

1. Teori Stres Hans Selye
2. Teori Refleksi Kesedaran Kendiri
3. Teori Pemusatan Insan
4. Teori Kognitif Tingkahlaku
5. Teori Gestalt

Kandungan Unit:

Unit ini merangkumi aktiviti-aktiviti seperti berikut:

- Salam Pengenalan
- Graf Kehidupan
- Jom Kenali Stres!
- Jom Ketawa!

Tempoh Masa : 3 jam

Bilangan Peserta : 30 hingga 40 peserta

LDK :

Aktiviti 1: Salam Pengenalan	Bahan-bahan Aktiviti/Pembelajaran: • Sistem siaran • Projektor slaid • Papan putih interaktif • Slaid persembahan Prosedur: 1. Fasilitator akan memberi arahan kepada peserta untuk membentuk kelompok dalam bulatan besar. 2. Fasilitator meminta setiap peserta memperkenalkan nama dan latar belakang diri masing-masing. 3. Setelah selesai memperkenalkan diri, fasilitator meminta peserta menyebut nama masing-masing dengan pantas secara berantai sehingga ahli terakhir dalam kumpulan. 4. Selepas itu, peserta diminta untuk menyebut nama rakan yang bertentangan dengannya serta tempat asalnya. 5. Sekiranya tidak dapat meneka dengan betul, peserta tersebut akan didenda dengan sebanyak mungkin pertanyaan daripada ahli yang lain.
Aktiviti 2: Graf Kehidupan	Bahan-bahan Aktiviti/Pembelajaran: • Papan putih interaktif • Helaian 1 (Graf Kehidupan) • Kertas mahjong

	• Alat tulis/pensel warna/marker Prosedur: 1. Fasilitator mengedarkan Helaian 1 kepada setiap peserta. 2. Fasilitator meminta peserta untuk melukiskan graf kehidupan diri dan keluarga mengikut kreativiti masing-masing dalam kertas mahjong yang telah disediakan. 3. Fasilitator memaklumkan kepada peserta bahawa lukisan tidak semestinya perlu cantik dan kemas. 4. Setelah selesai melukis, setiap peserta akan berkongsi hasil lukisan masing-masing dalam kumpulan. 5. Setelah selesai perkongsian setiap peserta, fasilitator hendaklah menyemak perasaan dan apa yang dipelajari daripada sesi ini.
Aktiviti 3: Jom Kenali Stres!	Bahan-bahan Aktiviti/Pembelajaran: • Sistem siaraya • Projektor slaid • Papan putih interaktif • Slaid persembahan • Helaian 2 (Kenali Stres) • Alat tulis Prosedur: 1. Fasilitator memberikan penerangan tentang stres dalam keluarga.

	2. Fasilitator menerangkan jenis-jenis stres. 3. Fasilitator meminta peserta mengenalpasti jenis stres masing-masing. 4. Peserta diminta mencatatkan jenis stres ke dalam Helaian 2. 5. Setelah selesai, fasilitator meminta peserta berkongsi jenis stres yang dialami bersama ahli yang lain.
Aktiviti 4: Jom Ketawa!	Bahan-bahan Aktiviti/Pembelajaran: • Sistem siaraya • Projektor slaid • Papan putih interaktif • Slaid persembahan • Rambut Palsu Prosedur: 1. Fasilitator menerangkan kebaikan terapi ketawa kepada peserta. 2. Fasilitator menjalankan aktiviti terapi ketawa beramai-ramai bersama peserta. 3. Antara aktiviti ketawa yang boleh digunakan: a. Ketawa Berkenalan b. Ketawa Teh Tarik c. Ketawa Roti Canai d. Ketawa Makan Durian e. Ketawa Kayuh Perahu f. Ketawa Tarik Nafas

Refleksi	Mengenalpasti dan merawat stres dalam diri sangat penting agar ibu bapa dapat mencurahkan kasih sayang sepenuhnya terhadap anak-anak.
Jangkaan Hasil	1. Para peserta dapat mengimbas kembali graf kehidupan diri dan keluarga. 2. Peserta dapat mengenalpasti pada peringkat manakah berlakunya 'unfinished business' dalam hidup yang menjadi punca kepada stres. 3. Peserta dapat mempelajari teknik yang berkesan untuk menguruskan stres dalam kehidupan dan keluarga.

SESI 3: KEIBUBAPAAN

Objektif Unit:

1. Untuk memastikan peserta mengenalpasti gaya keibubapaan yang diamalkan oleh diri mereka dalam membesarkan anak-anak.
2. Untuk memberi pendedahan kepada peserta tentang gaya keibubapaan yang terbaik untuk mendidik anak.
3. Untuk meningkatkan perasaan kepunyaan atau '*Sense of Belonging*' terhadap keluarga.

Teori:

1. Teori Keibubapaan Diana Baumrind
2. Teori Pemusatan Insan
3. Teori Gestalt

Kandungan Unit:

Unit ini merangkumi aktiviti-aktiviti seperti berikut:

- Energizer
- Gaya Aku
- '*My Family Mug*'

Tempoh Masa : 3 jam

Bilangan Peserta : 30 hingga 40 peserta

LDK :

Aktiviti 1: <i>'Energizer'</i>	Bahan-bahan Aktiviti/Pembelajaran: • Sistem siaranaya • Projektor slaid • Slaid persembahan • Video <i>'energizer'</i> Prosedur: 1. Fasilitator akan memberi arahan kepada peserta untuk membentuk kelompok dalam bulatan besar. 2. Fasilitator memasang video tarian mudah. 3. Fasilitator meminta peserta mengikut gaya yang ditunjukkan dalam video berkenaan.
Aktiviti 2: Gaya Aku	Bahan-bahan Aktiviti/Pembelajaran: • Sistem siaranaya • Projektor slaid • Slaid persembahan • Helaian 3 (Gaya Aku) • Alat tulis Prosedur: 1. Fasilitator memberikan penerangan tentang kaedah menjawab soalan dalam Helaian 3. 2. Fasilitator meminta peserta menjawab soalan dalam Helaian 3. 3. Setelah selesai, fasilitator akan menerangkan kaedah mengira skor.

	4. Fasilitator menerangkan maksud gaya keibubapaan yang sesuai kepada semua peserta serta kepentingan mengenalpasti gaya keibubapaan masing-masing.
Aktiviti 3: <i>'My Family Mug'</i> (Art Therapy)	Bahan-bahan Aktiviti/Pembelajaran: • Sistem siaraya • Cawan kosong • Pen marker (warna-warni) Prosedur: 1. Fasilitator mengedarkan peralatan untuk menjalankan aktiviti kepada semua peserta. 2. Fasilitator meminta peserta membuat lukisan keluarga pada cawan mengikut kreativiti masing-masing. 3. Fasilitator hendaklah menerangkan kepada peserta lukisan tidak semestinya perlu cantik. 4. Setelah selesai, fasilitator meminta peserta berkongsi hasil lukisan dan menerangkan maksud lukisan masing-masing kepada semua.
Refleksi	Ibu bapa perlu mengenalpasti gaya keibubapaan masing-masing agar dapat mengetahui pendekatan bersesuaian dalam mendidik anak-anak.
Jangkaan Hasil	1. Peserta dapat mengetahui gaya keibubapaan yang sesuai dalam mendidik anak-anak.

	2. Peserta dapat mengekspresikan perasaan kasih sayang kepada keluarga melalui pendekatan ' <i>art therapy</i> '.
--	---

SESI 4: KENALI SIFAT ANAK

Objektif Unit:

1. Untuk memastikan peserta dapat mengenalpasti bahasa cinta anak-anak.
2. Untuk memastikan peserta dapat menggunakan pendekatan yang bersesuaian dalam mendekati anak-anak berdasarkan personaliti mereka.

Teori:

1. Teori Bahasa Cinta
2. Teori Pemusatan Insan

Kandungan Unit:

Unit ini merangkumi aktiviti-aktiviti seperti berikut:

- Energizer
- Bahasa Cinta Anak
- Bingkai Kasih Keluarga (Art Therapy)

Tempoh Masa : 3 jam

Bilangan Peserta : 30 hingga 40 peserta

LDK :

Aktiviti 1: <i>'Energizer'</i>	Bahan-bahan Aktiviti/Pembelajaran: • Sistem siaranaya • Projektor slaid • Slaid persembahan • Video aktiviti <i>'energizer'</i> Prosedur: 1. Fasilitator memberi arahan kepada peserta untuk membentuk kelompok dalam bulatan besar. 2. Fasilitator memasang video tarian mudah. 3. Fasilitator meminta peserta mengikut gaya yang ditunjukkan dalam video berkenaan.
Aktiviti 2: Bahasa Cinta Anak	Bahan-bahan Aktiviti/Pembelajaran: • Sistem siaranaya • Projek slaid • Slaid persembahan • Helaian 4 (Bahasa Cinta Anak) • Alat tulis Prosedur: 1. Fasilitator mengedarkan Helaian 4 kepada para peserta. 2. Fasilitator menerangkan kaedah menjawab soalan dalam Helaian 4. 3. Setelah selesai menjawab, fasilitator mengajar kaedah mengira skor untuk Helaian 4.

	4. Fasilitator menerangkan maksud setiap bahasa cinta dan kepentingannya dalam membesarkan anak-anak.
Aktiviti 3: Bingkai Kasih Keluarga (<i>Art Therapy</i>)	Bahan-bahan Aktiviti/Pembelajaran: • Sistem siaraya • Bingkai gambar • Kertas putih tebal • Alat tulis/pen marker/pen magik Prosedur: 1. Fasilitator menerangkan kaedah membuat bingkai kasih keluarga kepada peserta. 2. Fasilitator meminta setiap peserta mencipta bingkai kasih keluarga mengikut kreativiti masing-masing. 3. Fasilitator hendaklah menerangkan kepada peserta bahawa lukisan/tulisan yang dibuat tidak semestinya perlu cantik. 4. Setelah selesai, peserta diminta berkongsi hasil kepada semua ahli. 5. Fasilitator menyemak perasaan setiap ahli serta apa yang dipelajari daripada aktiviti ini.
Refleksi	Kesedaran ibu bapa untuk mengenalpasti bahasa cinta anak sangat penting bagi membolehkan anak-anak dapat merasai perasaan kasih sayang yang dicurahkan oleh ibu bapa seterusnya menjadikan proses perkembangan psikologi anak-anak lebih sihat.

Jangkaan Hasil	1. Peserta dapat mengenalpasti personaliti anak berdasarkan soal selidik bahasa cinta. 2. Peserta dapat mencurahkan kasih sayang kepada anak berdasarkan bahasa cinta anak yang sebenar. 3. Peserta dapat mengekspresikan perasaan kepada keluarga melalui aktiviti '<i>art therapy</i>' yang telah dijalankan.
----------------	---

SESI 5: PENUTUPAN

Objektif Unit:

1. Untuk memastikan peserta dapat membina dan menetapkan hala tuju keluarga.
2. Untuk memastikan peserta dapat mengenalpasti kekuatan diri dalam menguruskan keluarga.

Teori:

1. Teori Pemusatan Insan
2. Teori Pilihan

Kandungan Unit:

Unit ini merangkumi aktiviti-aktiviti seperti berikut:

- Hala Tuju Keluarga
- *'I Love My Family!'*
- Penutupan Program dan Rumusan Modul
- Pasca-Penilaian

Tempoh Masa : 3 jam

Bilangan Peserta : 30 hingga 40 peserta

LDK :

Aktiviti 2: Hala Tuju keluarga	Bahan-bahan Aktiviti/Pembelajaran: • Sistem siaraya • Projektor slaid • Slaid persembahan • Helaian 5 (Matlamat Keluarga) • Alat tulis Prosedur: 1. Fasilitator mengedarkan helaian 5 kepada peserta. 2. Fasilitator menerangkan kaedah mengisi helaian 5. 3. Setelah selesai, fasilitator meminta peserta berkongsi matlamat masing-masing. 4. Fasilitator perlu menyemak perasaan dan bertanya apakah yang dipelajari peserta dalam aktiviti ini.
Aktiviti 2: <i>'I Love My Family'</i>	Bahan-bahan Aktiviti/Pembelajaran: • Sistem siaraya • Kertas A4 • Alat tulis/pen marker/pen magik Prosedur: 1. Fasilitator memberi arahan kepada peserta untuk membentuk kelompok dalam bulatan besar. 2. Fasilitator mengedarkan sehelai kertas A4 kepada setiap peserta.

	4. Fasilitator meminta peserta membuat lakaran tangan dengan meletakkan tangan masing-masing pada kertas A4 tersebut. 5. Selepas itu, fasilitator meminta peserta menulis nama masing-masing pada bahagian atas kertas. 6. Fasilitator meminta peserta menulis satu kelebihan diri dalam kertas tersebut (Konteks Keibubapaan). 7. Kertas tersebut akan diedarkan pada rakan di sebelah kanan peserta secara bergilir-gilir. 8. Rakan disebelah perlu menulis kata-kata positif untuk setiap peserta sehingga kertas tersebut kembali semula kepada pemilik asalnya. 9. Fasilitator bertanya perasaan setiap peserta dan membuat rumusan.
Aktiviti 3: Penutupan Program dan Rumusan Modul	Bahan-bahan Aktiviti/Pembelajaran: • Sistem siaraya • Projektor slaid • Papan putih interaktif • Slaid persembahan Prosedur: 1. Ketua Projek merumuskan kesemua fasa projek dan juga modul perkembangan kanak-kanak (Modul Keibubapaan). 2. Fasilitator berkongsi pendapat dan pengalaman sepanjang program berlangsung. 3. Komuniti berkongsi pengalaman dan hasil yang diperolehi melalui pemindahan ilmu ini.

LAMPIRAN 1



PERSETUJUAN TERMAKLUM SESI KAUNSELING

Saya, _____, No. K.P. _____
(Nama Klien)

Bersetuju untuk menjalani sesi kaunseling kelompok bersama dengan Pegawai Psikologi

(Nama Pegawai Psikologi)

Dengan termeterainya perjanjian antara Pegawai Psikologi dan klien ini, maka bermulalah sesi kaunseling sehingga saya ingin menamatkan sesi atau ingin dirujuk kepada Pegawai Psikologi yang lain.

Kerahsiaan dan limitasi kerahsiaan

Semua perbincangan dalam sesi adalah dirahsiakan. Jaminan menjaga kerahsiaan adalah tanggungjawab bersama antara Pegawai Psikologi dan klien. Terdapat beberapa limitasi mengenai isu kerahsiaan ini, mengikut Kod Etika Kaunselor, Lembaga Kaunselor Malaysia seperti:

- Keperluan umum di mana Pegawai Psikologi perlu menyimpan maklumat rahsia tidak lagi terpakai, jika pendedahan diperlukan bagi melindungi klien atau orang-orang lain yang dikenal pasti daripada kemudaratan yang serius dan yang boleh diramalkan, atau apabila undang-undang mengkehendaki yang maklumat rahsia mesti didedahkan. Pegawai Psikologi hendaklah berunding dengan profesional lain apabila mereka berada dalam keadaan tidak pasti tentang kesahan sesuatu kekecualian itu. Pertimbangan tambahan perlu digunakan apabila meneliti isu-isu akhir hayat (Rujukan: Kod Etika Kaunselor, Lembaga Kaunselor Malaysia, muka surat 10 dan 11).
- Jika saya klien yang dirujuk, saya faham bahawa laporan pendedahan minimum akan diberikan kepada pihak yang bertanggungjawab sahaja. Apabila keadaan memerlukan pendedahan maklumat rahsia dibuat, hanya maklumat penting sahaja didedahkan.

Sesi kaunseling ini akan tamat secara automatik sekiranya saya tidak menghadiri sesi seterusnya atau gagal dihubungi dalam tempoh tiga (3) bulan selepas sesi terakhir dijalankan.

Saya telah membaca dan memahami segala maklumat yang ada didalam kontrak ini dan tidak akan mempersoalkan tindakan Pegawai Psikologi sekiranya saya melanggar perjanjian ini.

Tarikh : _____

(Tandatangan Klien)

(Tandatangan Pegawai Psikologi)

LAMPIRAN 2


Program Pembangunan Komuniti Rh. Jungan



**BORANG PRA PENILAIAN
PROGRAM PEMBANGUNAN KOMUNITI RH. JUNGAN
PROJEK PEMBANGUNAN KANAK-KANAK 9(MODUL KEIBUBAAPAN)**

Nama : _____

ARAHAN: Jawab soalan berikut berdasarkan apa yang anda fahami berpandukan skala berikut.



BIL	PERKARA	SKALA JAWAPAN				
		1	2	3	4	5
1	Saya sedar diri saya sedang mengalami stres.					
2	Saya tahu mencari penyelesaian untuk mengurangkan stres dalam diri saya.					
3	Saya memahami jenis-jenis stres yang saya alami.					
4	Saya memperuntukkan masa untuk melakukan Penjagaan Kendiri (Self-Care) bagi mengurangkan stres.					
5	Saya rasa penting untuk melakukan Teknik relaksasi.					
6	Saya faham senaman pernafasan mampu membuatkan saya berasa lebih tenang.					
7	Saya faham kepentingan ketawa untuk mengurangkan stres yang dialami.					
8	Saya tahu apa maksud gaya keibubapaan autoritarian.					
9	Saya tahu apa maksud gaya keibubapaan Permisif.					
10	Saya tahu apa maksud gaya keibubapaan Pengabaian.					

Program Pembangunan Komuniti Rb. Jungar

11	Saya tahu apa maksud gaya keibubapaan Demokratik.					
12	Saya mengetahui gaya keibubapaan yang saya miliki.					
13	Saya tahu apa maksud gaya keibubapaan					
14	Saya memahami bahasa cinta anak-anak dari segi sentuhan dan pelukan.					
15	Saya memahami bahasa cinta anak-anak dari segi kata- kata pujian.					
16	Saya memahami bahasa cinta anak-anak dari segi masa berkualiti.					
17	Saya memahami bahasa cinta anak-anak dari segi memberi hadiah.					
18	Saya memahami bahasa cinta anak-anak dari segi Act of Service.					
19	Saya faham tentang cara-cara mendekati anak.					

Terima kasih kerana menjawab. Semoga anda ceria selalu.

LAMPIRAN 3


Program Pembangunan Komuniti Rh. Jungar



**BORANG PASCA PENILAIAN
PROGRAM PEMBANGUNAN KOMUNITI RH. JUNGAR
PROJEK PEMBANGUNAN KANAK-KANAK 9MODUL KEIBUBAAPAN)**

Nama : _____

ARAHAN: Jawab soalan berikut berdasarkan apa yang anda fahami berpandukan skala berikut.



BIL	PERKARA	SKALA JAWAPAN				
		1	2	3	4	5
1	Saya sedar diri saya sedang mengalami stres.					
2	Saya tahu mencari penyelesaian untuk mengurangkan stres dalam diri saya.					
3	Saya memahami jenis-jenis stres yang saya alami.					
4	Saya memperuntukkan masa untuk melakukan Penjagaan Kendiri (Self-Care) bagi mengurangkan stres.					
5	Saya rasa penting untuk melakukan Teknik relaksasi.					
6	Saya faham senaman pernafasan mampu membuatkan saya berasa lebih tenang.					
7	Saya faham kepentingan ketawa untuk mengurangkan stres yang dialami.					
8	Saya tahu apa maksud gaya keibubapaan autoritarian.					
9	Saya tahu apa maksud gaya keibubapaan Permisif.					
10	Saya tahu apa maksud gaya keibubapaan Pengabaian.					


Program Pembangunan Komuniti R. Jungan

11	Saya tahu apa maksud gaya keibubapaan Demokratik.					
12	Saya mengetahui gaya keibubapaan yang saya miliki.					
13	Saya tahu apa maksud gaya keibubapaan					
14	Saya memahami bahasa cinta anak-anak dari segi sentuhan dan pelukan.					
15	Saya memahami bahasa cinta anak-anak dari segi kata- kata pujian.					
16	Saya memahami bahasa cinta anak-anak dari segi masa berkualiti.					
17	Saya memahami bahasa cinta anak-anak dari segi memberi hadiah.					
18	Saya memahami bahasa cinta anak-anak dari segi Act of Service.					
19	Saya faham tentang cara-cara mendekati anak.					

Terima kasih kerana menjawab. Semoga anda ceria selalu.

HELAIAN 1**GRAF KEHIDUPAN**

Lukiskan graf kehidupan keluarga anda.



10

NOTA PAPA & MAMA OHSEM!

HELAIAN 2**STRES**

Stres anda di mana?



NOTA PAPA & MAMA OHSEM!

HELAIAN 3

GAYA KEIBUBAPAAN

Tandakan ciri bersesuaian dengan diri anda untuk mengenalpasti gaya keibubapaan anda. Kemudian, jumlahkan berapa item yang sesuai dengan diri anda.

Gaya A

Anak-anak mesti mematuhi ibu bapa dan tidak menjawab.

Saya membuat peraturan di rumah. Anak-anak patut dihukum apabila melanggar peraturan tersebut.

Apabila anak saya nakal, saya menjerit dan menggertak.

Saya tahu apa yang terbaik untuk anak saya. Bukankah saya ibu/bapanya?

Jumlah A:

Gaya B

Saya percaya lebih baik tidak diadakan peraturan daripada bimbang tidak mematuhi.

Ibu bapa patut melaksanakan sebanyak mungkin yang boleh untuk anak-anak mereka (kemas katil mereka, sediakan makanan ringan mereka, pakaikan pakaian mereka).

Jika saya mendisiplinkan anak saya, saya bimbang dia tidak sayangkan saya.

Saya biarkan anak saya buat apa yang dia mahu kerana saya mahu mengelakkan konflik.

Jumlah B:

GAYA KEIBUBAPAAN

Gaya C

Anak-anak boleh menyesuaikan diri dengan agak baik jika anda membiarkan mereka.

Masalah saya sendiri begitu membebankan, saya tiada masa atau tenaga untuk anak saya.

Apa saya lakukan tidak mendatangkan sebarang perubahan, jadi saya biarkan sahaja anak saya.

Ada banyak perkara lagi saya perlu buat, anak-anak kenalah membawa diri mereka.

Jumlah C:

Gaya D

Anak-anak patut diberikan pilihan.

Kadang-kadang anak-anak ada sesuatu yang baik. Saya cuba mendengar mereka.

Anak-anak perlu dibenarkan mempunyai rasa keindividuan.

Saya mempunyai piawai yang tinggi yang saya jangkakan anak saya faham dan saya kuatkuasakan peraturan secara konsisten.

Jumlah D:

GAYA KEIBUBAPAAN

Berapakah markah anda?

Gaya A

Autoritarian

Gaya B

Permisif

Gaya C

Pengabaian

Gaya D

Demokratik

HELAIAN 4

KENALI SIFAT ANAK

Kuiz Bahasa Cinta Anak!

- | | | |
|----|---|---|
| 1 | A Berikan saya pelukan! | A |
| | B Anda seorang yang hebat! | B |
| 2 | A Saya ada hadiah hari jadi istimewa untuk awak! | C |
| | B Saya akan bantu awak selesaikan tugas awak. | D |
| 3 | A Jom kita pergi tengok wayang. | E |
| | B Berikan saya High-Five! | A |
| 4 | A Wah, awak sungguh bijak! | B |
| | B Awak dah sediakan senarai hadiah Krismas awak? | C |
| 5 | A Sudi tak awak bantu saya memasak untuk makan malam? | D |
| | B Saya suka pergi ke tempat menarik bersama awak! | E |
| 6 | A Berikan saya ciuman! | A |
| | B Awak yang terbaik! | B |
| 7 | A Saya ada kejutan untuk awak! | C |
| | B Kita boleh lakukan sesuatu yang hebat. | D |
| 8 | A Jom tonton TV bersama! | E |
| | B Pas! Awak jadi! (Main kejar-kejar) | A |
| 9 | A Awak lakukan kerja yang hebat! | B |
| | B Awak telah menerima kejutan istimewa! | C |
| 10 | A Awak boleh jemput kawan-kawan awak. | D |
| | B Jom, pergi ke restoran kegemaran awak! | E |

KENALI SIFAT ANAK

Kuiz Bahasa Cinta Anak!

- | | | |
|----|---|---|
| 11 | A Saya akan memeluk awak sepenuh hati | A |
| | B Awak seorang budak yang hebat! | B |
| 12 | A Saya memasak makanan kegemaran awak. | C |
| | B Saya menyemak kerja rumah awak. Ia mengagumkan! | D |
| 13 | A Seronok keluar bersama awak! | E |
| | B Saya akan berlumba dengan awak! | A |
| 14 | A Wah, awak berjaya melakukannya! | B |
| | B Tengok di bawah katil awak ada kejutan! | C |
| 15 | A Saya dah bersihkan bilik awak. | D |
| | B Jom kita main bersama. | E |
| 16 | A Awak nak tak saya tolong garu belakang awak? | A |
| | B Awak boleh lakukannya. Jangan putus asa! | B |
| 17 | A Apa yang awak nak untuk hadiah hari jadi awak? | C |
| | B Kita boleh jemput rakan-rakan ketika dalam perjalanan menonton wayang | D |
| 18 | A Saya suka melakukan sesuatu bersama awak | E |
| | B Awak sangat mesra! | A |
| 19 | A Bagaimana awak melakukannya? Hebatnya awak! | B |
| | B Saya tak sabar nak bagi hadiah ni pada awak. | C |
| 20 | A Jangan risau, saya akan menjemput awak tepat pada masanya. | D |
| | B Jom kita luangkan masa untuk melakukan apa sahaja yang awak nak! | E |

KENALI SIFAT ANAK

Jom papa mama, kita semak apakah bahasa cinta anak papa mama!
Tuliskan markah dalam kotak di bawah.

A



Sentuhan dan pelukan

B



Kata-kata pujian

C



Memberi hadiah

D



Act of Service

E



Masa berkualiti

HELAIAN 5**MATLAMAT**

Tuliskan matlamat ibu bapa terhadap masa depan anak-anak.

Matlamat dalam tempoh 5 tahun akan datang

Matlamat dalam tempoh 10 tahun akan datang

Matlamat dalam tempoh 15 tahun akan datang

RUJUKAN

Gary, C., & Ross, C., (2012). *The 5 Love Languages of Children*. America: Northfield Publishing.

MODUL PEMBANGUNAN KOMUNITI: KEIBUBAAPAN

Ilmu keibubapaan merupakan perkara penting yang perlu difahami oleh ibu bapa dalam mendidik anak-anak. Sebagai ibu bapa, banyak cabaran yang perlu dilalui ketika fasa membesarkan anak-anak terutamanya pada era masa kini.

Oleh itu, terdapat banyak kursus-kursus ilmu keibubapaan dianjurkan oleh pelbagai pihak. Sehubungan itu, Modul Pembangunan Komuniti: Keibubapaan ini merupakan satu garis panduan yang boleh digunakan oleh jurulatih atau fasilitator yang akan mengendalikan sesi bimbingan bersama ibu bapa. Ujian keberkesanan pelaksanaan juga telah dilaksanakan terhadap peserta yang terlibat.

e ISBN 978-629-98110-3-9



9 786299 811039



Your Destination for Higher Education